

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JUN 2015 (RABU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1 | Kali kedua gempa melanda Ranau | Harian Metro |
| 2 | Gempa: Guru, pelajar lari selamatkan diri | Utusan Malaysia |
| 3 | Lagi tiga gempa bumi di Ranau | Sinar Harian |
| 4 | Pantau status di FB, WhatsApp | Harian Metro |
| 5 | Aftershock damages school in Ranau | The Malay Mail |
| 6 | Gempa kecil landa Ranau kali kedua Selasa | Bernamea.com |
| 7 | Gempa bumi lemah landa Ranau pagi ini | Bernamea.com |
| 8 | Ranau dilanda tiga gempa kecil pada Selasa | Bernamea.com |
| 9 | Gempa kuat landa Kepulauan Bonin di Jepun | Bernamea.com |
| 10 | Salah Guna | Harian Metro |
| 11 | Malaysia tidak menerima kesan ribut suria | Kosmo |

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 24 JUN 2015 (RABU)

Kali kedua gempa melanda Ranau

Kota Kinabalu: Penduduk di beberapa daerah di Sabah gempar apabila satu gempa bumi kecil berukuran 4.3 pada skala Richter melanda Ranau pada jam 5.33 petang semalam.

Gegaran daripada gempa itu turut dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Sabah Abdul Malik Tussin berkata, pusat gempa itu terletak 10 kilometer (km) ke barat laut bandar Ranau.

"Ini kali kedua gempa kecil itu melanda Ranau sejak pagi tadi (semalam) yang mana pertama berlaku berukuran 3.5 pada skala Richter pada 10.54 pagi.

"Namun, berlaku beberapa gegaran susulan iaitu berukuran 2.6 pada skala Richter pada jam 6.26 petang dan 3.0 pada skala Richter pada jam 6.39 petang selepas gempa bumi kecil kedua berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Seorang pekerja di bandar raya Kota Kinabalu Azmil Tajudin, 34, berkata, ketika kejadian dia berada di bangunan KK Times Square Kota Kinabalu bersama dua ra-

kannya dan terkejut apabila bangunan tempat mereka bekerja bergoyang menyebabkan mereka terus keluar ke kawasan lapang.

"Ketika itu, kami hendak keluar pulang untuk membuka puasa namun tiba-tiba saja bangunan bergoyang menyebabkan saya bersama dua rakan terus keluar dari bangunan kerana bimbang sesuatu akan berlaku.

"Ketika itu, beberapa pekerja di bangunan berkenaan turut keluar dan mengatakan terasa gegaran," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, ini kali ketiga dia merasai gegaran akibat gempa bumi selepas kali pertama berlaku pada 5 Jun lalu sehingga mengorbankan 18 nyawa di Gunung Kinabalu, Ranau.

Bagi Ali Mazlan, 33, pula dia bersama rakan sekerjanya turut berlari keluar dari pejabat di KK Times Square Kota Kinabalu kerana bimbang kejadian runtuh.

"Gegaran itu tidak lama hanya beberapa saat saja tapi kami terus keluar untuk menyelamatkan diri kerana bimbang akan berlaku sesuatu," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 24 JUN 2015 (RABU)

Gempa: Guru, pelajar lari menyelamatkan diri

Oleh **METRA SYAHRIL MOHAMED**
dan **ASSIM HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

RANAU 23 Jun - "Gegaran pagi tadi agak kuat dan kami terdengar bunyi dentuman di tingkat atas yang menempatkan pusat sumber dan terus lari menyelamatkan diri."

Demikian cerita seorang pelajar tingkatan enam, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, dekat sini, Mohd. Shahrastani Harimin yang panik selepas siling pusat sumber di sekolahnya runtuh dalam gegaran susulan sekuat 3.5 pada skala Richter, pagi ini.

Jelasnya, ketika kejadian pada pukul 10.54 pagi itu, sesi pembelajaran sedang berlangsung dan gegaran menyebabkan para guru serta pelajar berhimpun di kawasan lapang sebagai langkah keselamatan.

"Keadaan agak mencemaskan kerana di bawah pusat sumber itu adalah bilik guru. Siling runtuh dan kami terdengar bunyi dentuman. Kami diarahkan bergegas menyelamatkan diri ke kawasan lapang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gegaran sekuat 3.5 pada skala Richter itu dirasai di sekitar daerah ini sekitar pukul 10.54 pagi.

Jelas Mohd. Shahrastani yang berasal dari Keningau, bilik kelasnya yang terletak di tingkat yang sama dengan pusat sumber itu terpaksa ditutup atas faktor keselamatan.

Sementara itu, pelajar tingkatan dua, Al Zikri Al Kadzlie berkata, ketika kejadian dia berada di dalam surau sekolah dan gegaran susulan membuatnya panik.

"Cermin surau bergegar dan saya keluar menyelamatkan diri," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengetua SMKA Mohamad Ali, Jaimis Saiman memberitahu, pihaknya mengharapkan para pelajar tenang berdepan insiden itu dan tidak berada dalam keadaan trauma.

"Selepas gegaran kuat pada 5 Jun lalu, kita terus bagi taklimat keselamatan kepada pelajar dan guru. Sebahagian siling di pusat sumber itu memang sudah runtuh dalam gegaran susulan lalu dan kini runtuh sepenuhnya.

"Syukur tiada kemalangan atau kecederaan dialami warga sekolah," tambahnya.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 24 JUN 2015 (RABU)**

Lagi tiga gempa bumi di Ranau

KUALA LUMPUR - Tiga gempa bumi kecil melanda Ranau semalam, pertama pada jam 10.54 pagi, kedua 5.33 petang dan ketiga pada 6.26 petang.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, gempa pertama berukuran 3.5 pada skala Richter; berpusat di 22 kilometer (km) ke barat bandar Ranau; kedua, berukur-

an 4.3 pada skala Richter, 10km ke barat laut bandar itu, dan ketiga berukuran 2.6 pada skal Richter, 11km ke barat bandar tersebut.

"Gegaran daripada gempa itu dirasakan di Kota Kinabalu, Kota Belud dan Kundasang," kata kenyataan itu. - Bernama

Pantau status di FB, WhatsApp

Ranau: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Daerah Ranau sentjasa memantau gambar dan info gempa bumi yang diviralkan menerusi aplikasi WhatsApp dan Facebook (FB).

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ranau, Jimmy Lagon berkata pemantauan itu penting bagi membolehkan pihaknya melakukan pemeriksaan seterusnya melakukan operasi menyelamat sekiranya perlu.

"Dalam kejadian runtuhan siling perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Mohamad Ali, hari ini (semalam), JBPM tidak menerima sebarang aduan daripada pihak sekolah.

"Bagaimanapun, saya menerima beberapa keping gambar runtuhan itu diviralkan dan disebarkan menerusi aplikasi WhatsApp menyebabkan kami bergegas ke lokasi kejadian bagi melakukan pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan, memang berlaku runtuhan di situ, namun ia tidak membabitkan sebarang kecederaan pelajar dan guru," katanya ketika dihubungi, di

Hasil pemeriksaan, memang berlaku runtuhan di situ, namun ia tidak membabitkan sebarang kecederaan pelajar dan guru"

Jimmy Lagon

sini, semalam.

Jimmy berkata, hasil pemeriksaan lanjut terdapat beberapa rekahan pada dinding bangunan dipercayai berlaku akibat beberapa gempa bumi yang berlaku sebelum ini.

Sementara itu, menurut laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia, satu gempa bumi lemah berukuran 3.5 skala Richter dilaporkan berlaku kira-kira 22 kilometer dari barat Ranau, kira-kira jam 10.54 pagi, semalam.

Susulan gempa bumi terbaru itu, sebanyak 90 gempa bumi dilaporkan berlaku di sekitar Ranau sejak kejadian pertama dan terkuat berlaku pada 5 Jun lalu.

